

01/04/2002

PIBG beri syarat tarik balik laporan terhadap Siva

Wan Hazmir Bakar; Yahya Awang

KUALA LUMPUR, Ahad - Guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang membuat laporan polis terhadap pemimpin Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengenai isu pengasingan pelajar menetapkan beberapa syarat sebelum menarik balik laporan itu.

Mereka menuntut Setiausaha Agung NUTP, Datuk N Siva Subramaniam dan Presidennya, Tengku Habsah Tengku Petera serta jawatankuasa NUTP memohon maaf secara ikhlas dan rasmi melalui media massa kepada pentadbiran 210 sekolah yang dituduh mengamalkan pengasingan pelajar mengikut kaum.

NUTP juga diminta memohon maaf menerusi surat rasmi kepada Kementerian Pendidikan.

Guru besar Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Setiawangsa, Ruslan Madon, berkata permohonan maaf Siva dan NUTP sebelum ini tidak ikhlas kerana dibuat hanya selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan supaya isu itu dihentikan dan diselesaikan secara baik.

Beliau berkata, pihaknya akan melihat perkembangan seterusnya sebelum mempertimbangkan tindakan lanjut terhadap NUTP kerana polis Bukit Aman masih menyiasat berhubung dakwaan itu.

"Siva tidak ikhlas...beliau sepatutnya menulis surat kepada semua sekolah terbabit untuk meminta maaf," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi hari ini.

Khamis lalu, Ruslan yang juga jurucakap kumpulan 70 guru, termasuk dua guru besar dari enam sekolah mengisytiharkan keluar daripada NUTP menyertai Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) sebagai membantah tindakan Siva.

Sekolah berkenaan, iaitu SK Taman Setiawangsa, SK Jalan Peel, SK Taman Sri Rampai, SK Wangsa Maju Seksyen 1, SK Wangsa Maju Seksyen 2 dan SK Wangsa Melawati adalah antara 210 sekolah seluruh negara yang didakwa mengamalkan pengasingan pelajar mengikut kaum.

Ketika permohonan maaf kelmarin yang disifatkan sebagai sejajar nasihat Dr Mahathir, Siva mengakui pihaknya salah faham dengan keadaan di sekolah terbabit.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan sama ada NUTP masih berpendirian pengasingan pelajar berlaku secara tidak langsung, tetapi berkata, beliau menyerahkannya kepada polis yang sedang menyiasat.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, semalam berkata pihaknya bersedia menggugurkan siasatan terhadap Siva dan Tengku Habsah jika laporan polis yang dibuat terhadap mereka ditarik balik.

Di Taiping, lima PIBG yang membuat laporan polis terhadap Siva dan Tengku Habsah juga mahu mereka mematuhi syarat yang sama sebelum menarik balik laporan polis.

Jurucakap lima PIBG itu, Shahrudin A Rashid, berkata ia kerana NUTP sebelum ini menggunakan media massa untuk menghebahkan dakwaan mereka kononnya sekolah terbabit mengamalkan pengasingan pelajar.

Lima sekolah berkenaan ialah Sekolah Menengah Dr Burhanuddin (SMDB), Sekolah Kebangsaan Taiping (SKT), Sekolah Kebangsaan Kamunting (SKK), Sekolah Kebangsaan King Edward VII dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik (SMKTT).

Shahrudin berkata, mereka juga berharap NUTP tidak mengulangi kesalahan seumpama itu pada masa depan kerana ia boleh menjejaskan profesion perguruan negara ini.

Beliau berkata, pemimpin NUTP sepatutnya lebih aktif membantu kerajaan

menjayakan rancangan mewujudkan Sekolah Wawasan, selain menjaga kebajikan guru.

"Apa yang penting kepada kami bukanlah isu ini, tetapi kesedaran semua pihak agar tidak memainkan perkara yang remeh temeh atau membuat tuduhan melulu, terutama perkara yang membangkitkan sensitiviti kaum," katanya.

(END)